

# UMP, PERODUA jalin kerjasama strategik

Berita Harian (Nasional) 14/4/2021 (Rabu) m/s :20

Kuala Lumpur: Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Kumpulan PERODUA menjalin kerjasama strategik menerusi pelaksanaan Program Sarjana Muda Teknologi (Mod Industri Perantisan) menggunakan model pendidikan kejuruteraan Jerman (Fachhochschule) dalam sistem pendidikan di negara ini.

Kerjasama itu dilihat bakal memperkasakan program Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam negara.

Naib Canselor UMP, Prof Dr Wan Azhar Wan Yusoff, berkata program berkonsepkan 'Earn & Learn' yang julung kali diperkenalkan di Malaysia itu, bakal menjadi tanda aras terhadap pengajian lain dalam menerapkan elemen Revolusi Industri Keempat (IR4.0) yang menggabungkan teknologi automasi dengan teknologi siber.

Katanya, ia selaras matlamat penubuhan Majlis TVET dengan menyokong inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ke arah memperkasakan graduan TVET negara dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Lembaga Teknologis Mala-

yusia (MBOT).

"Program ini dibangunkan UMP dengan sumber bakat PERODUA mengikut pengajaran dan pembelajaran di lapangan tempat mereka bekerja menerusi pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek dan Masalah (PO-PBL).

"Menerusi kaedah ini, pelajar bekerja seperti biasa sambil melengkapkan kurikulum pengajian melalui projek dan penilaian berdasarkan portfolio serta ujian cabaran.

"Pada masa sama, ahli akademik UMP boleh meningkatkan pengalaman dan kemahiran melalui pendedahan sebenar. Golongan itu juga boleh menjalankan latihan industri khususnya di PERODUA, selain menjalankan penyelidikan bersama universiti dan industri," katanya.

Majlis pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) itu masing-masing diwakili Wan Azhar serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERODUA, Datuk Zainal Abidin Ahmad dengan disaksikan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Hadir sama Pengurusi UMP, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul



Zainal Abidin (kiri) dan Wan Azhar menandatangani MoU yang disaksikan Noraini pada majlis MoU antara UMP dan PERODUA di Kuala Lumpur.

(Foto Owee Ah Chun/BH)

Rahman; Presiden Lembaga Teknologi Malaysia, Datuk Dr Hamisah Tapsir; Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Prof Dr Husaini Omar dan Pengurusi Lembaga Pengarah UMP Advanced, Mohd Sharil Abdullah.

Wan Azhar berkata, sebagai satu daripada rangkaian universiti teknikal Malaysia (MTUN), UMP komited dalam melahirkan gra-

duan kejuruteraan yang cekap bertaraf antarabangsa.

"Kerjasama ini menjadikan program bakal ditawarkan amat praktikal dan fleksibel untuk disesuaikan dengan keperluan negara dalam mendepani cabaran IR4.0, seterusnya melengkapkan ekosistem pendidikan TVET," katanya.

Sementara itu, Zainal Abidin berkata, MoU itu amat bermakna

kepada PERODUA kerana bakal menjadi penyumbang dalam penambahbaikan sistem pendidikan tinggi negara, terutama bidang industri automotif.

Katanya, PERODUA melaksanakan inisiatif Program Latihan Remaja PERODUA sejak 1999 dan sehingga kini lebih 3,000 pelajar dan rata-rata graduan diserap bekerja di syarikat automatif itu.